

**TEKS UCAPAN
YANG BERUSAHA PROF. DR. AHMAD TAUFEEK
ABDUL RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN
KESATRIA *YOUTH CHALLENGE* 7.0/2025**

**12 JANUARI 2025 | AHAD | 2.20 PETANG
PADANG KAWAD
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM**

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL
ANBIYAI WAL MURSALIN WA ALA ALIHI
WASOHBIHI AJMAIN**

**YBrs. Kolonel Kesatria Profesor Madya Dr.
Norazmir Md Nor**

Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar
UiTM Cawangan Selangor

**YBrs. Leftenan Kolonel Kesatria Noorizan Che
Rashid**

Penolong Pendaftar Kanan (Kokurikulum)
UiTM Cawangan Selangor

Komander Muda Ahmad Muqriz Mahamad
Merangkap Pengarah Program

Pegawai Kehormat Kesatria

Staf Unit Kokurikulum dan Barisan Jurulatih
Kokurikulum

Yang Di-Pertua Badan Beruniform Kor SISPA

Barisan ahli jawatankuasa pelaksana, para komander kesatria, serta para peserta sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Syukur ke hadrat Allah kerana dengan izin dan limpah kasih-Nya, kita diberi ruang, peluang dan kesihatan untuk berkumpul dalam satu perbarisan sempena **Majlis Penutupan Kesatria Youth Challenge 7.0/2025.**
2. Pertama sekali, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada **Majlis Perwakilan Komander Kesatria dengan kerjasama Unit Kokurikulum** dan seluruh jawatankuasa kerana telah memberikan komitmen yang padu dalam menjayakan program ini.
3. Saya berasa teruja dapat turut bersama dalam meraikan majlis pada petang ini, dan tahniah juga saya ucapkan kepada para peserta yang terlibat.

Hadirin sekalian,

4. **Kesatria *Youth Challenge*** atau lebih dikenali dengan nama KYC yang telah memasuki edisi ketujuh ini adalah bukti keberkesanannya dalam memberi manfaat besar kepada para pelajar.
5. Saya dimaklumkan, program ini telah melibatkan seramai 450 orang peserta dan telah berlangsung selama 2 hari.
6. Saya turut difahamkan, program ini bertujuan untuk melahirkan mahasiswa yang berdaya saing, berdisiplin dan mempunyai semangat kesukanan yang tinggi dengan pengisian dalam setiap pertandingan yang dianjurkan.
7. Justeru, kejayaan program ini bukan sahaja terletak pada pengisian aktivitinya yang berkualiti, tetapi juga pada impaknya yang berpanjangan

dalam membentuk pelajar yang mampu bersaing secara sihat, berilmu, dan berkepimpinan.

8. Dengan identiti tersendiri, KYC 7.0 telah menjadi medium unik yang menghubungkan pelajar dari pelbagai latarbelakang, memupuk nilai murni, dan mengukuhkan semangat berpasukan.

Para hadirin sekalian,

9. Saya melihat KYC sebagai satu pertandingan bersifat holistik kerana merangkumi pelbagai kemahiran iaitu e-sukan, rekreasi dan kawad kaki.
10. Saya yakin pertandingan-pertandingan yang dianjurkan sudah tentu menyeronokkan dan mampu mewujudkan persaingan sihat di kalangan mahasiswa.

11. Semangat berpasukan dan kerjasama yang wujud pastinya merapatkan lagi ukhwah antara peserta yang terlibat.
12. Saya pasti persediaan yang bukan sedikit diperlukan bagi mempersiapkan pasukan masing-masing dalam menyertai pertandingan sebegini, apatah lagi apabila anda perlu mengimbangi antara komitmen akademik dan latihan.
13. Dedikasi yang tinggi, latihan yang berterusan, komitmen yang teguh dalam pasukan, selain jasa dan pengorbanan barisan Jurulatih yang bersungguh-sungguh memastikan para pelajar mendapatkan latihan yang cukup – amat saya kagumi.

14. Walaubagaimanapun, dalam setiap pertandingan, adat kalah dan menang itu sememangnya lumrah.
15. Menang bukan sekadar satu kejayaan, tetapi bukti atas usaha gigih yang telah diberikan.
16. Manakala kalah pula bukanlah kegagalan, sebaliknya ia adalah peluang untuk belajar, memperbaiki diri, dan menjadi lebih kuat.
17. Keberanian anda untuk mencabar diri, komitmen yang anda berikan, dan pengalaman berharga yang diperoleh sepanjang pertandingan adalah kemenangan sebenar yang patut kita semua hargai.

Hadirin sekalian,

18. Saya amat berharap program seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang, kerana ia bukan sahaja meningkatkan disiplin, tetapi juga menyemai nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar di UiTM Cawangan Selangor.

19. Akhir kata, tahniah dan syabas sekali lagi kepada pihak penganjur dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan program ini.

20. Tanpa usaha keras dan komitmen semua pihak, sudah pasti ia tidak akan dapat terlaksana dengan sempurna.

21. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, izinkan saya meninggalkan anda semua dengan serangkap pantun.

Pasukan bertanding penuh gagah,
Langkah tegap bersatu hati,
Semangat juang tak kenal lelah,
Kemenangan nanti jadi bukti.

22. Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, saya sukacitanya merasmikan **Majlis Perasmian Penutupan “Kesatria *Youth Challenge* 7.0 bagi tahun 2025”**

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**